

KONSORTIUM

1979

KUALA LUMPUR, 2 JULAI (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENCADANGKAN SUPAYA PENGILANG DAN PENGEKSORT BUMIPUTRA DALAM SEKTOR PERKAYUAN MENUBUHKAN KONSORTIUM BAGI MENINGKATKAN LAGI PENYERTAAN MEREKA DALAM SEKTOR ITI.

BERUCAP DI SEMINAR PERKAYUAN BUMIPUTRA DISINI HARI INI, BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA DENGAN ADANYA KONSORTIUM TERSEBUT PENGILANG BUMIPUTRA AKAN MENDAPAT BEKALAN KAYU BALAK YANG CUKUP UNTUK DIPROSES DAN DIEKSORT.

KATANYA, PENUBUHAN KONSORTIUM ITU AKAN JUGA DAPAT MENYATUKAN KILANG-KILANG KECIL DAN MENGATASI KELEMAHAN PARA PENGUSAHA BUMIPUTRA DI BIDANG EKSPORT YANG MASIH JAUH KETINGGALAN DI BELAKANG. JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PENGUSAHA BUKAN BUMIPUTRA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU LAGI LANGKAH BAGI MENGATASI KELEMAHAN PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG PEMBALAKAN DAN PENGILANG PAPAN TALAH MELALUI PENUBUHAN KOMPLEK PERKAYUAN.

—BERSAMBUNG 1320/MD

KONSORTIUM 2 KUALA LUMPUR

173

MENURUT BELIAU PENUBUHAN KOMPLEK ITU AKAN JUGA DAPAT MENGATASI KELEMAHAN ASAS BUMIPUTRA DARI SEGI MODAL, TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN DALAM INDUSTRI PERKAYUAN.

+SAYA YAKIN CARA INILAH MERUPAKAN SATU STRATEGI YANG BUKAN SAJA DAPAT MENJAMIN PERKEMBANGAN PERUSAHAAN PENGILANG KAYU TETAPI JUGA AKAN DAPAT MEMELIHARA KEPENTINGAN BUMIPUTRA DALAM SEKTOR ITU+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, SETAKAT INI PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG MEMBALAK MASIH LAGI TIDAK MEMUASKAN, DARIPADA JUMLAH LESEN SERTA KAWASAN YANG DIKELUARKAN KEPADA BUMIPUTRA SAMADA INDIVIDU ATAU SYARIKAT HANYA 25 PERATUS SAHAJA YANG BETUL-BETUL DIUSAHAKAN OLEH BUMIPUTRA SENDIRI.

TAMBAH BELIAU KEBANYAKAN KAWASAN YANG TELAH DILULUSKAN KEPADA PARA PEMEGANG LESEN BUMIPUTRA DIDAPATI TIDAK DIKERJAKAN OLEH PEMEGANG LESEN ITU SENDIRI.

KATANYA KEBANYAKAN MEREKA TELAH MEMILIH JALAN PINTAS SECARA MENJUAL SESUATU KAWASAN HUTAN ITU BULAT-BULAT KEPADA PIHAK LAIN—

—BERSAMBUNG 1327/MD

KONSORTIUM 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, INI ADALAH KERANA KAUM BUMIPUTRA TIDAK MEMPUNYAI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN DALAM SEKTOR MEMBALAK DISAMPING KEKURANGAN MODAL UNTUK MEMBELI JENTERA MEMBALAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH ITU DAPAT DIATASI JIKA PIHAK BUMIPUTRA YANG TERLIBAT DALAM MEMBALAK DAPAT MENUBUHKAN SYARIKAT MEMBALAK UNTUK MENERJAKAN KAWASAN MEMBALAK KECIL.

MENURUTNYA DARI JUMLAH 551 BUAH KILANG PAPAN YANG BERLESEN SERTA AKTIF, HANYA 70 BUAH SAHAJA DILESENKAN KEPADA BUMIPUTRA. DARI JUMLAH ITU HANYA 27 BUAH SAHAJA YANG DIUSAHAKAN SENDIRI OLEH BUMIPUTRA. —BERSAMBUNG 1348/MD

££

B521

KONSORTIUM 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, PEMBERIAN KAWASAN BALAK KEPADA BADAN-BADAN EKONOMI NEGERI YANG KEMUDIAN DIUSAHAKAN BERSAMA DENGAN SYARIKAT BUKAN BUMIPUTRA SEBAGAI CARA MENGATASI KERUGIAN SYARIKAT PERKONGSIAN HENDAKLAH DIHENTIKAN.

KATANYA, KERAJAAN AKAN HANYA DAPAT MENOLONG PENGILANG PAPAN BUMIPUTRA YANG BETUL-BETUL MENJALANKAN PERUSAHAAN MEREKA BAGI MENDAPATKAN BEKALAN YANG CUKUP.

TERDAHULU DARI ITU, YANG DI PERTUA PERSATUAN PENGUSAHA KAYU-KAYAN BUMIPUTRA, TENGGU ARIF BENDAHARA, BERKATA KERAJAAN NEGERI HENDAKLAH BERSIKAP LEBIH ADIL DAN MEMBERI KERJASAMA KEPADA PENGUSAHA BUMIPUTRA YANG BETUL TERLIBAT DALAM PERUSAHAAN MEMBALAK.

KATANYA, SEKTOR PERHUTANAN DAN KAYU-KAYAN MERUPAKAN SATU SEKTOR YANG PENTING DI DALAM EKONOMI NEGARA. —BERSAMBUNG 1352/MD

££

B522

KONSORTIUM 5 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SISTEM PEMBERIAN KAWASAN HUTAN DI PERINGKAT NEGERI HENDAKLAH DISELARASKAN KERANA SEKARANG INI MSIH TERDAPAT LAGI PERBEZAAN SISTEM PEMBERIAN KAWASAN HUTAN DI BEBERAPA BUAH NEGERI.

BELIAU YAKIN SEMINAR SEHARI YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUANNYA AKAN DAPAT MEMBERI FAEDAH KEPADA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM SEKTOR MEMBALAK DAN PENGILANGAN KAYU-KAYAN. —BERNAMA 1355/MD